

SKRIP DAKWAH HARI-HARI KETIKA BERJUMPA DENGAN ORANG ISLAM

1. Assalamualaikum, kerana perintah Allah dan untuk sukakan Allah kami datang atas maksud mahu ingat-mengingat tentang Allah dan perintah-perintah Allah. Bolehkah tuan bagi masa untuk mendengar dengan niat untuk sukakan Allah? (Jika dia bersedia baru terus bercakap dengan dia dan jika dia tidak bersedia maka cukuplah dengan berdoa).
2. Kerana perintah Allah dan untuk sukakan Allah saya mengingatkan diri saya, sahabat bersama saya dan tuan bahawa Tiada tuhan melainkan Allah. Tiada yang berkuasa melainkan Allah. Tiada yang boleh memberi manfaat atau mudarat melainkan Allah. Tiada yang berkuasa memberi faedah atau bahaya melainkan Allah. Saya juga ingin mengingatkan diri saya, sahabat bersama saya dan tuan bahawa jika kita taat perintah Allah dengan cara Nabi Muhammad saw dan dengan niat untuk sukakan Allah, Allah akan buat kita berjaya. Jika kita langgar perintah Allah, Allah akan buat kita gagal.
3. Perintah Allah yang pertama kepada seluruh manusia adalah perintah mengucap dua kalimah syahadah. Siapa yang mengucap dia telah taat perintah Allah dan siapa yang tidak mahu mengucap dua kalimah syahadah dia telah membuat mungkar yang paling besar. Sediakah tuan mengucap dua kalimah syahadah dan saya menjadi saksi bahawa tuan orang Islam? (Jika dia tidak sedia mengucap jangan dipaksa, jika dia sedia mengucap dengar dengan tumpuan dan betulkan jika perlu). Apabila kita telah mengucap, kita telah menjadi orang Islam tetapi kita belum menjadi orang yang beriman dan beramal soleh. Orang yang berjaya adalah orang yang beriman dan beramal soleh. Untuk menjadi orang yang beriman dan beramal soleh selepas mengucap kita hendaklah menjalankan kerja menunaikan hak mengucap dua kalimah syahadah. Apakah kerja yang menunaikan hak mengucap dua kalimah syahadah? Kerja yang menunaikan hak mengucap dua kalimah syahadah ialah kerja mengajak manusia kepada kebaikan dan mencegah manusia dari kemungkaran.
4. Mungkar yang paling besar yang dibuat oleh manusia ialah tidak mahu mengucap dua kalimah syahadah. Kita hendaklah mencegah mungkar yang dibuat oleh orang yang tidak mahu mengucap dua kalimah syahadah dengan mengajak mereka mengucap dua kalimah syahadah.
5. Mungkar paling besar yang dibuat oleh orang Islam ialah selepas mereka mengucap mereka tidak melakukan kerja mengajak manusia kepada kebaikan dan mencegah manusia dari kemungkaran. Mungkar orang Islam yang kedua paling besar ialah mereka tidak menunaikan lima waktu solat fardhu. Untuk mencegah mungkar yang dilakukan oleh orang Islam kita hendaklah mengajak orang Islam yang tidak melakukan kerja mengajak manusia kepada kebaikan dan mencegah manusia dari kemungkaran kepada melakukan kerja mengajak manusia kepada kebaikan dan mencegah manusia dari kemungkaran, dan mengajak orang Islam yang tidak melakukan solat lima waktu kepada melakukan solat lima waktu.
6. Kerja mengajak manusia kepada kebaikan dan mencegah manusia dari kemungkaran hukumnya adalah fardhu ain dan fardhu kifayah bagi setiap orang Islam lelaki dan perempuan. Fardhu ain untuk membuat kerja mengajak manusia kepada kebaikan dan mencegah manusia daripada kemungkaran setiap hari tiada cuti melainkan kita mati di kariah kita. Fardhu kifayah untuk kita keluar di jalan Allah ke tempat lain, bandar lain atau Negara lain di seluruh dunia, iaitu semua orang Islam wajib buat melainkan yang sakit atau yang tidak mampu.
7. Untuk menjalankan kerja mengajak manusia kepada kebaikan dan mencegah manusia dari kemungkaran kita hendaklah memberi masa paling kurang 45 minit pada setiap hari dan kita hendaklah pergi berjumpa setiap manusia sama ada yang Islam atau yang bukan Islam di setiap rumah, lorong, jalan, negeri, negara di dunia ini. Mereka yang bukan Islam kita ajak mereka mengucap dua kalimah syahadah dan yang Islam kita ingatkan dia tentang maksud dua kalimah syahadah dan ajak dia buat kerja mengajak manusia kepada kebaikan dan mencegah manusia dari kemungkaran dan mengajak dia menunaikan solat fardhu lima waktu sehari.
8. Apabila kita dapat buat kerja mengajak manusia kepada kebaikan dan mencegah manusia dari kemungkaran dengan cara Nabi Muhammad saw dengan niat untuk buat Allah suka sehingga Allah suka, Allah akan masukkan kalimah syahadah yang kita ucap ke dalam hati kita. Apabila kalimah syahadah telah berada dalam hati kita, barulah kita menjadi orang yang beriman dan beramal

soleh. Apabila kita telah menjadi orang yang beriman dan beramal soleh barulah kita menjadi orang yang berjaya di dunia dan di akhirat.

9. Jadi, tujuan kami datang adalah untuk mengajak tuan membuat kerja mengajak manusia kepada kebaikan dan mencegah manusia dari kemungkaran pada setiap hari tanpa cuti melainkan kita mati. Jika tuan bersedia untuk buat kerja ini bolehlah tuan berjumpa dengan kami di masjid atau sekarang tuan terus buat kerja mengajak manusia kepada kebaikan dan mencegah manusia dari kemungkaran bersama kami.

SKRIP DAKWAH HARI-HARI KEPADA ORANG ISLAM DENGAN BERDOA

1. Kerana perintah Allah dan untuk sukakan Allah, saya berpesan pada diri saya, sahabat bersama saya, penghuni rumah ini dan seluruh manusia dan jin di seluruh dunia dan seluruh alam bahawa tiada Tuhan melainkan Allah. Tiada yang berkuasa melainkan Allah. Tiada yang boleh memberi faedah atau bahaya melainkan Allah. Saya juga berpesan kepada diri saya, sahabat bersama saya, penghuni rumah ini dan seluruh manusia dan jin di seluruh dunia dan seluruh alam bahawa jika kita taat perintah Allah dengan cara Nabi Muhammad saw dan dengan niat untuk sukakan Allah, Allah akan buat kita berjaya. Jika kita langgar perintah Allah, Allah akan buat kita gagal.
2. Ya Allah, berilah kami taufiq untuk mentaati segala perintahMu dan meninggalkan segala laranganMu semata-mata untuk menyukakanMu. Ya Allah berilah kami taufiq untuk mencintaiMu, mencintai Nabi, mencintai mereka yang Kau cintai dan mencintai amal-amal yang Kau cintai. Ya Allah jadikanlah iman kami hari ini lebih baik dari semalam dan iman kami esok lebih baik dari hari ini.
3. Ya Allah, masukkanlah kalimah yang mulia ini ke dalam hati kami dan sampaikanlah pesanan kalimah ini kepada penghuni rumah ini dan terimalah kami, penghuni rumah ini, ahli keluarga kami, semua orang islam dan semua Jin islam, seluruh dunia dan di seluruh alam hingga hari kiamat untuk buat kerja mengajak manusia kepada kebaikan dan mencegah manusia dari kemungkaran dan menjaga solat dan berilah hidayah pada semua orang bukan Islam dan semua jin bukan Islam di seluruh dunia dan di seluruh alam hingga hari kiamat termasuk Iblis untuk masuk Islam.
4. Tiada daya dan kuasa untuk kami dapat melakukan kerja mengajak manusia kepada kebaikan dan mencegah manusia dari kemungkaran melainkan dengan izinMu. Segala puji bagiMu. Tiada daya dan kuasa untuk kami dapat melakukan kerja mengajak manusia kepada kebaikan dan mencegah manusia dari kemungkaran kerana perintahMu dan untuk sukakanMu melainkan dengan rahmat Mu.

SKRIP DAKWAH HARI-HARI KEPADA ORANG BUKAN ISLAM

1. Kami datang untuk mengingatkan tuan bahawa kita adalah dari satu keluarga. Kita semua berasal dari satu moyang.
2. Kita dicipta oleh satu Tuhan, nama Tuhan kita ialah Allah, tiada Tuhan melainkan Allah. Allah sangat sayang kepada kita dan semua manusia. Allah mahu kita dan semua manusia berjaya. Untuk manusia berjaya Allah beri kita dan semua manusia agama atau perintah-perintah Allah. Jika kita taat perintah-perintah Allah, Allah buat kita berjaya dan jika kita langgar perintah Allah, Allah buat kita gagal.
3. Untuk tunjuk kepada manusia cara mengamalkan agama, Allah telah hantar kepada manusia banyak nabi-nabi dan nabi yang terakhir ialah Nabi Muhammad saw dan dia juga adalah nabi kamu.
4. Nabi Muhammad saw telah meninggal dunia dan kami orang islam adalah wakil Nabi Muhammad saw. Dia telah berpesan kepada kami untuk mengajak kamu masuk islam. Masuklah islam dan ucapkanlah kalimah "Aku naik saksi bahawa tiada Tuhan melainkan Allah, dan aku naik saksi Muhammad itu pesuruh Allah". Jika tuan sedia mengucap dua kalimah syahadah pasti tuan akan berjaya.
5. Jika dia sedia mengucap maka ajarlah dia mengucap dan bawalah dia ke masjid dan di masjid ajar dia membuat kerja mengajak manusia kepada kebaikan dan mencegah manusia dari kemungkaran

dan ajar dia cara mengerjakan solat lima waktu. Jika dia tidak mahu mengucap janganlah memaksa dia untuk mengucap dan beritahulah kepada dia supaya berfikir untuk masuk Islam dan jika kemudian hari dia telah bersedia untuk masuk Islam datanglah berjumpa kita di masjid/surau atau di rumah kita dan berilah alamat masjid dan rumah kita kepadanya.

SKRIP DAKWAH HARI-HARI KEPADA ORANG BUKAN ISLAM DENGAN BERDOA

1. Kerana perintah Allah dan untuk sukakan Allah, kami mengajak penghuni rumah ini untuk masuk islam. Wahai penghuni rumah ini masuklah islam dan ucapkanlah kalimah aku bersaksi Tiada tuhan melainkan Allah dan aku bersaksi Muhammad itu pesuruh Allah, pasti kamu akan berjaya.
2. Oh Allah, sampaikanlah dakwah kalimah ini kepada penghuni rumah ini, berilah hidayat kepada penghuni rumah ini dan semua orang bukan islam dan semua jin bukan Islam termasuk Iblis, di seluruh dunia untuk masuk Islam.
3. Oh Allah, ampunkanlah dosa kami dan terimalah taubat kami dan semua orang islam dan semua jin Islam, samada yang masih hidup ataupun yang telah mati kerana meninggalkan kerja mengajak manusia kepada kebaikan dan mencegah manusia dari kemungkaran, kerana meninggalkan solat, kerana bergaduh sesama sendiri sehingga terbunuhnya Hadrat Ali r.a, Hadrat Usman r.a, Hadrat Hassan r.a. dan Hadrat Hussin r.a.
4. Oh Allah, kami mengaku tiada Tuhan melainkan Kau, kami mengaku selama ini kami telah zalim kerana meninggalkan kerja mengajak manusia kepada kebaikan dan mencegah manusia dari kemungkaran. Oh Allah, ampunkan dosa kami dan dosa semua orang Islam, terimalah taubat kami dan taubat semua orang islam. Sesungguhnya Engkau Maha pengampun lagi Maha penerima taubat.
5. Tiada daya dan kuasa untuk kami dapat melakukan kerja mengajak manusia kepada kebaikan dan mencegah manusia dari kemungkaran melainkan dengan izinMu, segala puji bagi Mu. Tiada daya dan kuasa untuk kami dapat melakukan kerja mengajak manusia kepada kebaikan dan mencegah manusia dari kemungkaran kerana perintah Allah dan untuk sukakan Allah melainkan dengan rahmatMu.